

PPPMPT Wajajar Utama akhlak graduan

B. Yusoff

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Peningajian Tinggi) (PPPMPT) baru dilancarkan baru-baru ini. Ia satu transformasi bertujuan meningkatkan kualiti sistem pendidikan tinggi negara.

Ia memfokuskan kepada 'ke-menjadian' graduan, bakat pelajar dan ahli akademik. PPPMPT adalah satu gerakan yang lahir tepat pada masanya dalam mencapai status negara maju seperti yang sering diuar-uarkan.

Pelan PPPMPT melahirkan graduan yang dilabel 3B iaitu berbakat kualiti, bertaraf global dan berteraskan nilai positif.

Akhlak cemerlang

Sewajarnya nilai berkenaan perlu mengutamakan akhlak graduan. Akhlak cemerlang sudah pasti melahirkan graduan seperti apa yang dikehendaki PPPMPT. Sebaliknya, kecemerlangan

dan bakat semata-mata akan menjadikan graduan yang berilmu, tetapi pincang dari segi akhlak. Akhlak adalah nadi pembangunan manusia yang menjadi simbol ketamadunan bangsa. Sehingga graduan memiliki keunggulan akhlak yang dapat mengimbangi setiap perkara dengan rasional.

Senario semasa menunjukkan kepentingan akhlak ditenggelami oleh aspek kecemerlangan. Rata-rata isu yang sering dibincangkan adalah mengenai kehebatan akademik dan bakat serta kemahiran graduan.

Adab, nilai murni semakin tenggelam

Adab dan nilai murni semakin tenggelam dek keghairahan mengejar kecemerlangan. Seharusnya, pembinaan akhlak yang baik adalah melalui sistem pendidikan dan perlu turut cuba disama taraf dengan aspek lain. Hal berkenaan diutarakan seorang tokoh falsafah iaitu Syed Muhammad Naquib Al-Attas.

Oleh yang demikian, setiap lonjakan dalam PPPMPT mesti mengambil kira akhlak graduan. Ia tidak harus terpisah atau menjadi aspek tempelan dalam setiap fasa pelaksanaan PPPMPT.

Akhlak terpuji turut menjamin keutuhan jati diri anak bangsa yang sayangkan negara. Justeru, dalam gagasan pelan pendidikan, akhlak mestilah menjadi peneraju kepada semua kecemerlangan yang ingin dicapai.

Dr Siti Mistima Maat,

Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia